

# Pilih calon MIC – Subramaniam

UM-23/8/2006

Oleh S. ANAND KUMAR

**KUALA LUMPUR** 22 Jun - "Tolong pilih pasukan MIC". Itulah rayuan Timbalan Presiden parti itu, Datuk S. Subramaniam kepada 1,441 perwakilan menjelang pemilihan MIC Sabtu ini.

Beliau yang sebelum ini bertanding atas tiket "persendirian", hari ini membariskan dirinya bersama-sama calon persendirian yang lain sebagai "pasukan MIC".

Beliau membuat rayuan itu bagi menarik sokongan perwakilan untuk menyaingi "pasukan pilihan Presiden" yang kini begitu agresif berkempen.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini secara terang-terang meminta perwakilan supaya 'mesti' menyokong calon-calon pilihannya yang diketuai oleh Naib Presiden, Datuk G. Palanivel.

Palanivel akan berdepan dengan Subramaniam dalam pertandingan satu lawan satu bagi jawatan Timbalan Presiden.

Subramaniam berkata, perwakilan perlu mengutamakan semangat perjuangan parti dengan memilih "calon-calon MIC".

"Pilih calon yang berkaliber, mempunyai integriti, kepimpinan dan mampu bekerja untuk kepentingan masyarakat India," rayunya.

Subramaniam yakin perwakilan tahu bahawa kesetiaan dan perkhidmatannya hanyalah untuk parti dan masyarakat India.

"Saya berada dalam hati setiap perwakilan dan perasaan itu tidak akan mudah untuk mereka padamkan," katanya.

Subramaniam berkata, beliau sudah berkhidmat untuk MIC selama 44 tahun dan perwakilan pasti akan menimbangkan sumbangannya kepada parti.

"Saya menyerahkan nasib saya dalam parti kepada perwakilan. Jika mereka pilih saya dan calon-calon yang berkaliber, bermakna mereka pilih calon MIC," katanya.

Menurutnya, jika perwakilan memilih calon MIC bermakna mereka mahukan MIC dipimpin oleh orang yang benar-benar mahu berkhidmat untuk parti dan masyarakat India.